

minat pelajar terhadap kejuruteraan.

“Diharap akan ada lebih banyak aktiviti seperti ini pada masa akan datang yang dianjurkan bukan sahaja daripada UKM, malah oleh pelbagai pihak di seluruh negara bagi menampung keperluan modal insan yang diperlukan negara dalam bidang tersebut,” jelasnya.

Teruja apabila dapat melihat aksi robot menari di depan mata, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mersing, Johor, **Amirul Aizul Zulkifli**, 16, mengakui program i-robot tersebut ternyata telah mengubah persepsinya terhadap bidang kejuruteraan yang sebelum ini dianggap sukar dan membosankan.

Bukan itu sahaja, selepas mengikuti bengkel tersebut, dia turut merancang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan robotik selepas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia yang bakal didudukinya pada tahun hadapan.

“Sebelum ini, saya tidak pernah melihat robot secara langsung di hadapan

mata, lebih-lebih lagi yang boleh menari apabila muzik dimainkan. Apabila masuk ke dalam bilik ini dan terlihat robot kecil menyerupai manusia itu sahaja sudah cukup membuatkan saya rasa teruja.

“Selain itu, saya dapat mengetahui serba sedikit peralatan atau komponen biasa yang digunakan untuk mencipta pelbagai jenis mesin atau robot.

“Selepas didedahkan dengan semua perkara ini, saya memasang niat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan, khususnya robotik kerana ia sangat menarik dan mempunyai peluang yang luas,” tutur pelajar jurusan sains tulen itu.

Kerjaya pilihan

Sementara itu, guru **Matematik SMK Mersing, Izhan Ibrahim**, 43, berkata, penganjuran program seperti itu mampu membantu pelajar melihat bidang kejuruteraan merupakan salah satu pilihan kerjaya pada masa akan datang.

Di samping itu, guru berasal dari Kota Bharu, Kelantan tersebut mendapati sepanjang program tersebut berlangsung para pelajarinya bersemangat untuk mengikuti setiap aktiviti yang dirancang.

“Pendedahan awal melalui program seperti ini dilihat mampu memberikan semangat kepada para pelajar untuk mengenali teknologi robotik dengan lebih dekat yang selama ini banyak dipelopori oleh negara-negara maju seperti Jepun.

“Ia juga mampu membantu pelajar untuk memahami sains itu sebenarnya,



PROGRAM i-robot mampu membantu meningkatkan tenaga mahir dalam bidang kejuruteraan.



IZHAN



HARIZAN

bukan untuk tujuan peperiksaan sahaja tetapi merangkumi aspek kehidupan harian,” katanya.

Bersetuju dengan kenyataan tersebut, seorang lagi guru sekolah tersebut, **Harizan Othman**, 44, berkata, dia merancang untuk mencadangkan kepada pihak sekolahnya supaya mengaplikasikan aktiviti yang hampir serupa seperti itu agar dapat dikongsi dengan pelajar lain.

Ia secara tidak langsung memberikan idea kepadanya untuk mengambil sedikit sebanyak inti pati daripada program tersebut dan mengaplikasikannya terhadap teknik pengajarannya di sekolah.

“Program sebegini sangat bagus, bukan sahaja untuk pelajar tapi juga kepada guru pengiring kerana ia boleh dijadikan sebagai inspirasi bagi golongan pendidik dalam mempelbagaikan cara pengajaran dan ia patut diteruskan pada masa akan datang,” ujarnya.



KAEDAH pembelajaran i-robot mengetengahkan konsep bermain dahulu belajar kemudian.